

Khirudin menjelaskan keseluruhannya terdapat 638 PBK di seluruh negeri membabitkan 6,138 anggota dengan jumlah itu akan dipertingkatkan dari semasa ke semasa.

“Kita mensasarkan 700 PBK menjelang hujung tahun ini. Anggota PBK inilah yang akan membantu kawasan kejiranan sekiranya berlaku kebakaran atau kecemasan sebelum ketibaan pasukan bomba,” katanya.

Sementara itu, bantuan alat pemadam api itu akan membantu pihaknya dalam pencegahan awal kebakaran di rumah panjang kerana kebanyakan rumah panjang terletak jauh di pedalaman.

“Maka, dengan adanya alat pemadam api itu, penduduk kampung dapat membantu memadamkan kebakaran. Ia sekali gus mengurangkan kerugian dialami. Di Sarawak, terdapat 3,977 rumah panjang yang berdaftar,” katanya.